KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (SEMAKAN 2017)

BAHASA MELAYU

SEKOLAH KEBANGSAAN


TAHUN 3 JILID 1

PENULIS
Hasdi bin Daud
Mazura binti Sulaiman
Anisah Azian binti Mohamad Yusub

EDITOR
Zaidah binti Ahmad Rosly
Muhammad Hisyam bin Haliah

PEREKA BENTUK
Siti Norihan binti Noh
Norbaizura binti Mohd Hatta
Nurul Ain binti Ibrahim

ILUSTRATOR
Asparizal bin Mohamed Sudin
Nozaiman bin Noor Rosni
Nor Azlin bin Ngah
Ahmad Zabidi bin Othman





DBP
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2018

KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

No. Siri Buku: 0001
KK 499-221-0102011-49-2026-20101
ISBN 978-983-49-2026-5

Cetakan Pertama 2018
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2018

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk
Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: http://www.dbp.gov.my

Reka Letak dan Atur Huruf:
Penerbitan Sri Kenanga Sdn. Bhd.,
19-1A, Jalan SBC 2, Taman Sri Batu Caves,
68100 Batu Caves, Selangor.

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 16 poin

Dicetak oleh:
Percetakan Surya Sdn. Bhd.,
Plot 29, Jalan IKS BK 2,
Taman IKS Bukit Katil,
75450 Melaka Tengah, Melaka.

PENGHARGAAN

Penerbitan pakej buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pakar Rujuk Bahasa, Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah binti Abdul Karim
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)
- Tourism Malaysia, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
- Kementerian Kesihatan Malaysia
- Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
- Suruhanjaya Tenaga Malaysia
- Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI)
- Muzium Seni Asia, Universiti Malaya
- Syarikat Ipah Jaya Enterprise
- Pihak-pihak yang memberikan maklumat, pendapat dan cadangan dalam usaha untuk menerbitkan buku teks ini.

KANDUNGAN

PENDAHULUAN		**iv**
TEMA 1	**KEKELUARGAAN**	**1**
Unit 1	Keluarga Cergas	2
Unit 2	Kejayaan Keluarga	7
Unit 3	Kenangan Manis	13
TEMA 2	**KESIHATAN DAN KEBERSIHAN**	**21**
Unit 4	Saya Sihat dan Bertenaga	22
Unit 5	Kebersihan Tanggungjawab Bersama	27
Unit 6	Minda Positif Badan Aktif	33
TEMA 3	**KESELAMATAN**	**41**
Unit 7	Keselamatan di Rumah	42
Unit 8	Rekreasi Selamat	47
Unit 9	Alatan Keselamatan	53
TEMA 4	**PERPADUAN**	**61**
Unit 10	Toleransi Kukuhkan Perpaduan	62
Unit 11	Hormat-menghormati Budaya Kita	69
Unit 12	Kerjasama Asas Kesejahteraan	75

PENDAHULUAN

Pakej Buku Teks *Bahasa Melayu Tahun 3 Sekolah Kebangsaan (SK)* kegunaan mulai tahun 2019 berdasarkan transformasi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017).

Pakej buku teks ini mengandungi dua komponen, iaitu Buku Teks (BT) dan Buku Aktiviti (BA). BT dan BA masing-masing mempunyai dua jilid, iaitu Jilid 1 dan Jilid 2. Kandungan buku ini ditulis berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia. Buku ini dihasilkan dengan tujuan untuk melahirkan murid Tahun 3 yang dapat menguasai kemahiran berbahasa, kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi serta kemahiran pelbagai, selaras dengan transformasi pendidikan negara yang menekankan konsep Pembelajaran Abad ke-21.

Buku ini mempunyai lapan tema, iaitu:


- Kekeluargaan
- Kebersihan dan Kesihatan
- Keselamatan
- Perpaduan
- Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
- Kelestarian Alam
- Pertanian dan Penternakan
- Ekonomi, Keusahawanan dan Kewangan

Setiap tema dibahagikan kepada tiga unit yang menjadikan jumlahnya sebanyak 24 unit. Setiap unit mengandungi Standard Pembelajaran (SP) yang disusun bermula dengan Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis, Aspek Seni Bahasa dan Aspek Tatabahasa. Standard Pembelajaran ini juga disusun secara ansur maju daripada aras rendah kepada aras yang lebih tinggi.

Kandungan buku ini dirangka dan disusun dengan telitinya untuk memudahkan murid menguasai SP. Selain memberikan fokus kepada kemahiran berbahasa, aktiviti yang disediakan turut menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Pembelajaran Abad ke-21 dan Kemahiran Menaakul agar murid dapat dilatih berfikiran kritis dan kreatif. Penekanan kepada elemen KBAT diutamakan untuk melahirkan murid yang dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai murni ketika membuat penaakulan dan refleksi.

Ikon digunakan untuk memudahkan penggunaan buku ini. Yang berikut ialah ikon-ikon yang digunakan dalam BT.

PENERANGAN IKON BUKU TEKS



Permulaan tema.

QR Code
Maklumat tambahan berkaitan dengan kandungan pembelajaran.

Permulaan unit utama.



Kemahiran Mendengar dan Bertutur
Fokus utama adalah untuk melahirkan murid yang dapat berkomunikasi untuk menjalin hubungan dan menyampaikan maklumat serta idea yang kreatif dan kritis.

Aktiviti Tema
Murid perlu melakukan aktiviti berdasarkan bahan yang disediakan pada halaman rangsangan.

Aktiviti Unit
Murid perlu melakukan aktiviti berdasarkan kemahiran.

Kemahiran Membaca
Menguji keupayaan murid membaca, memahami dan menaakul pelbagai bahan.



Kemahiran Menulis
Menguji keupayaan murid menghasilkan penulisan dan menyampaikan maklumat.



Mengapakah sayur-sayuran penting untuk kesihatan badan?

KBAT
Menunjukkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.

Nota Guru

Panduan kepada guru untuk melaksanakan aktiviti. Nota ini memberikan cadangan kepada guru untuk melaksanakan aktiviti yang terdapat pada halaman berkaitan.


Standard Pembelajaran dan Halaman Buku
2.1.2 (i) | BA1: 25 & 26


- Mengandungi nombor standard pembelajaran.
- BT1 merujuk Buku Teks Jilid 1
  BT2 merujuk Buku Teks Jilid 2
- BA1 merujuk Buku Aktiviti Jilid 1
  BA2 merujuk Buku Aktiviti Jilid 2

Aspek Tatabahasa
Menguji keupayaan murid menguasai dan menggunakan tatabahasa dengan betulnya.




Aspek Seni Bahasa
Menguji keupayaan murid mengungkapkan, memahami dan menghargai bahasa yang indah.





Rujukan yang menerangkan makna perkataan.




Maklumat berkaitan tatabahasa yang boleh dirujuk.

Sebagai nilai tambah kepada buku ini, aktiviti pengukuhan, pemulihan, pengayaan dan penilaian turut disediakan. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk mengukuhkan, memulihkan dan meluaskan pemahaman murid terhadap sesuatu kemahiran dan aspek yang dipelajari.


- Pemulihan
- Pengukuhan
- Bacaan Luas
- Penilaian
- Pengayaan

Buku Aktiviti pula disediakan berpandukan kemahiran yang terdapat dalam BT dan mengambil kira tahap pengetahuan murid. Dalam usaha meningkatkan kemahiran berfikir murid, peta pemikiran *i-Think* turut digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat lapan peta pemikiran dalam buku ini.


PETA PEMIKIRAN




Peta Bulatan




Peta Buih




Peta Buih Berganda




Peta Alir




Peta Pelbagai Alir



Peta Dakap




Peta Pokok



Peta Titi

WATAK BUKU TEKS

Pakej buku teks ini juga menggunakan watak-watak tertentu untuk menceriakan dan mendekatkan murid-murid dengan bahan yang disediakan. Watak-watak utama muncul dalam setiap tema. Watak-watak ini dibantu oleh watak sampingan.



Hanif Nabila Saiful Fatin Yee Mei Jeeva

Semoga buku ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh guru dan murid dalam usaha merealisasikan matlamat dan objektif KSSR untuk melahirkan insan seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seperti tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

TEMA 1

KEKELUARGAAN







Aktiviti

Bercerita berdasarkan gambar.

UNIT 1

Keluarga Cergas

Mendengar dan Bertutur

Suria Pagi

Nabila sekeluarga beriadah di Taman Botanikal, Ayer Keroh, Melaka.



Aktiviti

Mendengar dan menyebut ayat tunggal.


Nota Guru 1.1.1 (i)

- Bimbing murid mengecam dan memahami ayat tunggal.

KB – Mengecam
Kontekstual – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Kasih sayang

Membaca

Bantu-membantu di Dapur



Nabila ke dapur. Nabila melihat ibunya membersihkan ikan, daging dan sayuran yang baru dibeli. Encik Abdul Aziz pula membawa barang-barang kering. Nasri membantu ayahnya.

"Wah, segarnya sayuran dan ikan-ikan ini! Ibu sungguh pandai memilihnya," kata Nabila. Puan Zainab tersenyum.

"Nabila, kita mestilah makan makanan yang segar. Makanan yang segar mengandungi vitamin," kata ibunya.

"Mengapakah kita memerlukan vitamin?" tanya Nabila.

"Kita memerlukan vitamin kerana vitamin memberi kita tenaga. Vitamin juga menjadikan badan kita sihat. Minda kita pula akan cerdas," jelas Encik Abdul Aziz kepada Nabila sambil meletakkan barang-barang di atas meja.

Setelah ibunya siap membersihkan ikan, daging dan sayuran, Nabila membantu ibunya menyimpan bahan itu ke dalam peti sejuk. Nasri pula menyusun bahan-bahan kering ke dalam almari.

Aktiviti

Membaca ayat tunggal dan ayat majmuk dengan sebutan dan intonasi yang betul.

Nota Guru 2.1.1 (i)

- Bimbing murid membaca ayat dengan intonasi yang betul.

KB – Mengecam
Kontekstual – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Kebersihan fizikal dan mental

Menulis

Butang Kenangan

Ketika melawat ke Kota A Famosa, Nabila tertarik akan keunikan bentuk huruf pada butang yang dijual.



IMBAS SAYA

Aktiviti

Menulis huruf dengan menggunakan tulisan berangkai.

Nota Guru 3.1.1 (i)

- Bimbing murid menulis huruf dalam bentuk tulisan berangkai.

KB – Mengecam
Konstektual – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Kasih sayang

Seni Bahasa

Siapa Pantas?

Nabila dan Nasri sedang beradu kepantasan membina bangunan dengan blok plastik. Mereka dibantu oleh ibu dan ayah.



Ibu, ayah dan Nasri mengambil hati Nabila. Mereka mahu Nabila terus berusaha. Setelah mendengar kata-kata semangat daripada keluarganya, Nabila dengan hati waja terus menyiapkan binaan bangunannya.

Akhirnya, Nabila berjaya menyiapkan bangunannya. Dia berasa besar hati. Air muka Nabila sungguh ceria. Ibu dan ayah mengucapkan tahniah kepada Nasri dan Nabila. Mereka buah hati Encik Abdul Aziz dan Puan Zainab.

Info Bahasa

Simpulan Bahasa ialah perkataan yang terdiri daripada dua perkataan atau lebih. Simpulan bahasa mempunyai maksud yang berbeza daripada makna perkataan yang membentuk kata tersebut.

Contoh:

Simpulan Bahasa	Maksud
dalam tangan	- sudah tentu dapat
ada bakat	- mempunyai kebolehan
ambil hati	- membuat sesuatu untuk menggembirakan orang
hati waja	- bersemangat
besar hati	- gembira
air muka	- riak wajah seseorang
buah hati	- orang yang dikasihi

Aktiviti

Bercerita dengan menggunakan simpulan bahasa.

Nota Guru 4.1.1 (i)

- Bimbing murid memahami maksud simpulan bahasa.

KB – Menjana idea
KP – Verbal linguistik
EMK: Nilai Murni – Kerjasama

Kata Nama Am dan Kata Nama Khas

Kenangan Indah semasa Bercuti

Nasri membantu Nabila menyiapkan tugasan "Kenangan Indah semasa Bercuti" yang diberikan oleh guru. Ibu bapa mereka turut memberikan idea.



Karnival Mesra Proton diadakan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Pelbagai kereta dipamerkan seperti Proton Ertiga. Pengunjung boleh bergambar dengan maskot harimau. Maskot itu bernama Sang Rimau.

Kota Batu Johor Lama dahulunya ialah benteng pertahanan daripada serangan Portugis. Kota tersebut terletak di puncak bukit di tebing Sungai Johor.

Masjid Sultan Abu Bakar dibina pada tahun 1893. Masjid ini dirasmikan oleh DYMM Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Abu Bakar. Masjid Sultan Abu Bakar terletak di pinggir selat, iaitu Selat Tebrau, Johor.

Info Bahasa

Kata Nama Am merujuk benda, manusia, tempat dan haiwan secara umum.
Kata Nama Khas merujuk benda, manusia, tempat dan haiwan secara khusus.
Huruf pertama kata nama khas ditulis dengan huruf besar.

Benda: kenderaan (kereta, Proton Saga)
bangunan, (hospital, Hospital Putrajaya)
Manusia: lelaki, Ahmad
Tempat: negeri, Terengganu, sungai, Sungai Pahang
Haiwan: harimau, Sang Gajah

Aktiviti

Mengenal pasti dan membina ayat menggunakan kata nama am dan kata nama khas dalam bahan.

Nota Guru 5.1.1 (i), (ii)

- Bimbing murid memahami kata nama am dan kata nama khas.

KB – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Kerjasama
Kontekstual – Mengenal pasti

UNIT 2

Kejayaan Keluarga

Mendengar dan Bertutur

Kejayaan Kita Bersama

Tuan Haji Abdul Karim, datuk Nabila, seorang usahawan. Beliau mempunyai sebuah kedai borong beras di Besut, Terengganu.



Aktiviti

Mendengar dan menyebut ayat majmuk.

Nota Guru 1.1.1 (ii)

- Bimbing murid mengecam dan memahami ayat majmuk.

KB – Mengecam
KP – Verbal linguistik
EMK: Nilai Murni – Kerjasama

Membaca

Kilang Batik Nenek

Puan Hajah Aminah, nenek kepada Nabila dan Nasri, mempunyai kilang batik. Nabila dan Nasri membantu penjualan batik nenek mereka.



Nabila dan Nasri menghias kedai nenek dengan cantiknya. Kain batik pula disusun dengan kemasnya untuk menarik hati pelanggan. Nabila menyambut mesra pelanggan yang datang. Dia memberikan risalah kepada pelanggan.

Promosi batik diadakan di kedua-dua cawangan kilang batik nenek, iaitu di Terengganu dan di Pahang. Setiap anggota keluarga turut membantu. Masing-masing telah mengetahui tugas yang perlu dilakukan. Nenek tersenyum dan bangga melihat setiap anggota keluarganya bekerjasama.



Aktiviti

Membaca teks dalam setiap perenggan.

Nota Guru 2.1.1 (ii)

- Bimbing murid membaca teks dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

KB – Menghubung kait
BCB – Bacaan luncuran
EMK: Nilai Murni – Berusaha
EMK: Keusahawanan

Menulis

Usaha Gigih Datuk







menampalkan iklan



mengambil pesanan



mengira jumlah



menghantar beras

Aktiviti

Menulis ayat berdasarkan frasa dan gambar.

Seni Bahasa

Mari Bersepakat



1

- kebun lobak
- membekalkan lobak
- titik peluh




2

- sangat rajin
- mandi peluh
- bersungguh-sungguh



3

- tayar kereta sorong
- cari jalan
- keluarkan tayar



4

- letak papan di dalam lubang
- bulat hati
- tekad menarik kereta sorong

?

Amin dan Arif adik-beradik. Mereka mempunyai kebun lobak yang luas. Mereka membekalkan lobak kepada peniaga-peniaga lain. "Subur sungguh tanaman hasil titik peluh kamu berdua," puji Encik Husin.

"Terima kasih, Encik Husin," balas Amin dan Arif.

Amin dan Arif...

Aktiviti

Bercerita menggunakan simpulan bahasa.

Nota Guru 4.1.1 (i)

- Bimbing murid mencari maksud simpulan bahasa.
- Bimbing murid menyelesaikan jalan cerita.

KB – Menjana idea
EMK: Nilai Murni – Kerjasama
KP – Verbal linguistik
KMD – Meramal

Kata Ganti Nama

Kita Boleh!

Nasri menyertai pertandingan membina model bangunan.
Dia membina model itu dengan bahan terbuang.

Situasi 1: Di rumah

Ayah, ini lakaran model yang hendak saya bina. Apakah pendapat ayah?

Bolehkah kalau di situ, saya menggunakan lidi? Di bahagian sana pula, saya menggunakan penutup botol.



Bagus idea kamu. Cuma di sini, kamu perlu tambah ciri-ciri tradisional.

Menarik idea itu. Para juri akan menilai model kamu berdasarkan kreativiti. Tentu mereka akan memberikan markah yang tinggi.

Situasi 2: Di tempat pertandingan



Tahniah, Nasri! _____ telah berjaya.

Terima kasih, ayah. Kejayaan _____ usaha kita bersama.

Mari kita ke restoran _____. Ayah belanja. Di _____ ada menjual makanan yang kamu suka.

Info Bahasa

Kata ganti nama ialah kata yang menggantikan kata nama. Kata ganti nama ada dua, iaitu kata ganti nama diri dan kata ganti nama tunjuk.
contoh:
Kata ganti nama diri pertama: *saya*, *aku*, *kita*, *kami*
Kata ganti nama diri kedua: *kamu*, *awak*, *kalian*, *anda*
Kata ganti nama diri ketiga: *mereka*, *dia*, *beliau*, *ia*
Kata ganti nama tunjuk umum: *ini* dan *itu*
Kata ganti nama tunjuk tempat: *situ*, *sini* dan *sana*

Aktiviti

Menggunakan kata ganti nama untuk melengkapkan dialog.

Nota Guru 5.1.1 (iii)

- Bimbing murid mengenal pasti kata ganti nama dalam teks.


KB – Mencirikan
EMK: Nilai Murni – Kerajinan
Kontekstual – Menghubung kait

Penjodoh Bilangan

Mari Cuba

Ibu, saya ingin membuat album "Kejayaan Keluarga". Saya mahu menghadiahkannya kepada abang Nasri.

Bahan-bahan yang saya perlukan ialah _____.



Kalau begitu, ibu akan membantu kamu. Apakah bahan-bahan yang kamu perlukan?

1. Bahan-bahan

- Tiga helai kertas warna
- Sebilah gunting
- Sebatang pembaris
- Beberapa biji butang
- Sebotol gam

helai
untuk benda yang nipis dan lebar



bilah
untuk benda yang tajam



batang
untuk benda yang panjang



biji
untuk buah, sayur-sayuran dan benda yang kecil




botol
untuk benda yang diisi di dalam botol



2. Bahan-bahan tambahan adalah seperti manik, pensel warna, jarum, berus warna, cat air, renda dan benang.

Setelah siap, tampalkan beberapa _____ gambar dalam album tersebut.







Info Bahasa

Penjodoh bilangan ialah kata nama yang menjadi pasangan kepada kata bilangan, iaitu sebagai penerang bentuk atau keadaan pada kata nama yang mengikutinya.
Contoh: helai, bilah, batang, biji, botol, keping

Aktiviti

Mengenal pasti penjodoh bilangan yang terdapat dalam bahan.

Nota Guru 5.1.1 (iv)

- Bimbing murid menyatakan penjodoh bilangan bagi perkataan yang dicetak biru.
- Bimbing murid mencari benda lain yang menggunakan penjodoh bilangan dalam teks.

AT: Minta murid menghasilkan album kejayaan keluarga masing-masing.
KB – Menghubung kait
Kontekstual – Mengalami
EMK: Nilai Murni – Rajin

BA1: 13 & 14

UNIT 3

Kenangan Manis

Mendengar dan Bertutur

Penghubung Kasih

Keluarga Nabila hendak ke rumah pak long. Semasa dalam perjalanan, mereka telah singgah di gerai buah-buahan.



Aktiviti

Mendengar dan mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk.

Nota Guru 1.1.1 (i) (ii)

- Bimbing murid menyebut ayat tunggal dan ayat majmuk.

KB – Mengecam KP – Verbal linguistik
EMK: Nilai Murni – Baik hati

Membaca

Kem Bestari

BESUT, 14 Februari - Kilang batik Puan Hajah Aminah telah mengadakan Kem Bestari untuk Rumah Anak Yatim Titian Kasih. Kem ini diadakan di Rumah Rehat Seri Talang dan disertai oleh 30 orang anak yatim.

Menurut Puan Hajah Aminah, 54 tahun, kem ini bertujuan untuk membantu anak-anak yatim dalam proses pembelajaran. Aktiviti Kem Bestari ini dikendalikan oleh anggota keluarga beliau sendiri.

Antara aktiviti yang diadakan ialah ceramah motivasi diri. Ceramah ini telah disampaikan oleh Puan Zainab, seorang kaunselor. Beliau ialah menantu Puan Hajah Aminah. Selain itu, aktiviti sukaneka, menjejak hutan dan meniti jambatan gantung dikendalikan oleh Encik Abdul Aziz, anak Puan Hajah Aminah.

Puan Hajah Aminah amat gembira kerana program ini berjaya dilaksanakan. Kem Bestari tersebut telah meninggalkan kenangan manis bagi Puan Hajah Aminah sekeluarga dan anak-anak yatim Titian Kasih.



Aktiviti

Membaca petikan berita dengan sebutan yang betul.


Nota Guru 2.1.1 (iii)

- Bimbing murid membaca petikan mengikut laras bahasa berita.
- AT : Murid membaca petikan seperti membaca berita.

KB – Menghubung kait
BCB – Bacaan luncuran
EMK: Nilai Murni – Semangat bermasyarakat

Menulis

Kenangan di Kem Bestari



Semua anggota keluarga Nabila berkumpul di ruang tamu. Mereka menonton tayangan video semasa di Kem Bestari.



- membantu datuk dan nenek
- mengedarkan minuman
- melayan anak-anak yatim



- meniti jambatan gantung
- berasa gayat
- memegang tali jambatan dengan kuatnya
- pengalaman yang berharga

Aktiviti


Membina dan menulis perenggan dalam buku latihan.

Kata Kerja Aktif Transitif dan Kata Kerja Aktif Tak Transitif

Alangkah Seronoknya

Nasri dan Nabila bermain gelek rim. Nabila menolak rim dengan sebatang kayu. Mereka berlumba. Riuh-rendah suara mereka bermain. Suasana sungguh meriah. Nasri dan Nabila berasa gembira.





Info Bahasa

Kata Kerja Aktif Transitif

- Kata kerja yang mesti diikuti oleh objek yang terdiri daripada kata nama atau frasa nama.
  Contoh:
  Nabila menolak rim dengan sebatang kayu.
  menolak - kata kerja aktif transitif
  rim - objek

Kata Kerja Aktif Tak Transitif

- Kata kerja aktif tak transitif terdiri daripada:
  (a) kata kerja aktif tak transitif berpelengkap
  Contoh:
  Nasri dan Nabila berasa gembira. (gembira: pelengkap)
  (b) kata kerja aktif tak transitif tanpa pelengkap
  Contoh: Mereka berlumba.

Ibu menatang dulang.

beralaskan tikar

Aktiviti

Membina ayat menggunakan kata kerja aktif transitif dan kata kerja aktif tak transitif berdasarkan gambar.

Nota Guru 5.1.2 (i)


- Bimbing murid mengenal pasti kata kerja aktif transitif dan kata kerja aktif tak transitif.

KB – Mengecam
Kontekstual – Mengaplikasi
EMK: Nilai Murni – Kasih sayang

Kata Kerja Pasif


Lawatan ke Taman Herba

Encik Abdul Aziz telah membawa keluarganya menikmati alam semula jadi di taman herba.



Di taman ini, terdapat banyak pokok herba. Penerangan tentang pokok herba itu diberikan oleh pegawai pertanian.

Nasri melihat beberapa helai daun herba telah gugur. Daun itu dikutip oleh Nasri.



gambar kenangan - diambil

maklumat - dicatat

Info Bahasa

Kata kerja pasif ialah kata kerja yang terhasil daripada perubahan ayat aktif menjadi ayat pasif.

Contoh:

Ayat Aktif

Nasri	mengutip	daun itu
pelaku	kata kerja aktif	objek

Ayat Pasif

Daun itu	dikutip	oleh	Nasri
objek	kata kerja pasif		pelaku

Aktiviti

Membina ayat menggunakan kata kerja pasif berdasarkan gambar.

Nota Guru 5.1.2 (ii)

- Bimbing murid mengenal pasti dan memahami kata kerja pasif berdasarkan teks.

KB – Mengecam
Kontekstual – Menghubung kait
EMK: Kelestarian alam sekitar

BA1: 21 & 22

Pemulihan

Membaca teks dengan sebutan yang betul.

Nasri mengemas meja tulisnya. Dia menyusun gambarnya di atas meja. Nabila melihat gambar Nasri. Gambar itu diambil ketika Majlis Anugerah Kecemerlangan.





Nasri pengawas sekolah. Dia dianugerahi Tokoh Sahsiah Terpuji kerana telah menjalankan tugas dengan penuh dedikasi.


Encik Abdul Aziz dan Puan Zainab bangga akan kejayaan Nasri. Mereka menghadiahkan beg dan jam tangan kepada Nasri.



2.1.1
(i), (ii), (iii)

Pengayaan

Kenal pasti dan bina ayat menggunakan kata nama am dan kata nama khas dalam teka silang kata.



KATA NAMA

Kata Nama Am	Kata Nama Khas
ayah	Comel

5.1.1 (i), (ii)

TEMA 2

KESIHATAN DAN KEBERSIHAN



Aktiviti

Berbincang tentang gambar.

UNIT 4

Saya Sihat dan Bertenaga

Mendengar dan Bertutur

Minuman Kesihatan



Aktiviti

Mendengar dan memberikan respons.

Nota Guru 1.1.2 (i)

- Bimbing murid memahami ayat suruhan dan ayat permintaan untuk memberikan respons.

KB – Menganalisis
Kontekstual – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi

BA1: 23 & 24

Membaca

Khasiat Vitamin C

Sudah dua hari Saiful mengalami demam selesema. Pada pagi itu, ibu telah menyediakan sup sayur untuk Saiful.

"Saiful, makanlah sup sayur ini," kata ibu.

"Baiklah, ibu," kata Saiful.

"Apakah khasiat sup sayur ini, ibu?" tanya Saiful.

Ibunya tersenyum lalu menjawab, "Sup sayur ini banyak khasiatnya. Sayur-sayuran dalam sup ini kaya dengan vitamin C yang dapat membantu Saiful cepat sembuh. Vitamin C berupaya untuk meningkatkan ketahanan badan," jelas ibu.


"Oh, banyak kelebihan vitamin C ini!" kata Saiful.

"Ya, Saiful. Oleh itu, Saiful perlu menghabiskan sup sayur ini," tambah ibu lagi.

"Terima kasih, ibu. Saya akan mematuhi nasihat ibu," kata Saiful.

"Moga Saiful cepat sembuh," balas ibu sambil tersenyum.

Mengapakah sayur-sayuran penting untuk kesihatan badan?



Aktiviti

Membaca teks yang mengandungi pelbagai jenis ayat.

Nota Guru 2.1.2 (i)

- Bimbing murid membaca teks dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

KB – Membanding beza
Kontekstual – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Rasional

Menulis

Makanan Sumber Tenaga

Cikgu Haris menampalkan foto-foto makanan sumber tenaga daripada jenis karbohidrat, protein dan lemak di tiga stesen. Secara berkumpulan, murid-murid Tahun 3 Angsana mencatat maklumat dari setiap stesen.



(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)

Stesen 1

1. Susu, daging lembu dan keju ialah makanan jenis protein.
2. Protein penting untuk membina otot dan tisu.
3. Protein penting untuk penjagaan tulang.

Stesen 2

1. Nasi ialah _____.
2. Kepentingan karbohidrat ialah _____.
3. _____.

Stesen 3

1. _____.
2. _____.
3. _____.

Aktiviti

Membina dan menulis ayat berdasarkan gambar.

Nota Guru 3.2.1 (i)

- Bimbing murid melaksanakan aktiviti Jelajah Galeri dan mencatat maklumat dari setiap stesen.


KB – Menjana idea
BCB – Mencatat nota
EMK: Nilai Murni – Berdikari

Kata Adjektif Jarak

Beriadah di Kolam Air Panas

Encik Abdul Aziz dan keluarganya beriadah di kolam air panas. Mereka sekeluarga tiba di kolam tersebut pada pukul 10:00 pagi.





Nabila dan abangnya mandi di kolam yang _____ dari pintu masuk.
Ibu dan ayahnya duduk di kerusi yang _____ dengan kolam tersebut.
Adik Nabila berdiri _____ dengan ibunya.
Terdapat bilik persalinan yang _____ dengan tempat ibu dan ayahnya duduk.

Info Bahasa


Kata adjektif jarak ialah kata yang membawa pengertian konsep ruang antara dua keadaan sebagai penerang kata nama.
Contoh: dekat, jauh, hampir, rapat

Aktiviti


Menggunakan kata adjektif jarak mengikut konteks.

Kata Adjektif Perasaan

Katakan Boleh





Nama saya Saiful. Dahulu, saya obes. Saya berasa amat sedih.



Kini, saya gembira kerana berjaya mengurangkan berat badan saya. Oleh itu, saya semakin cergas dan sihat.


Sebelum ini, saya tidak mementingkan cara pemakanan saya. Saya amat suka makan makanan segera.






Ibu saya selalu marah akan saya.


Apabila berat badan saya mula bertambah, saya berasa bimbang.





Saya semakin malu dengan kawan-kawan.

Kini, semua itu tidak lagi saya amalkan. Saya sayang akan diri saya.



Sekiranya kita berusaha, kita pasti berjaya. Saya tidak mahu obes lagi.

Tafsiran Indeks Jisim Badan (BMI)

- bawah 18.5 = kurang berat badan
- antara 18.5 - 24.9 = berat badan unggul
- antara 25 - 30 = lebih berat badan
- 30 atau lebih = obes

(Sumber: www.myhealth.gov.my/indeks-jisim-tubuh)

Dahulu, BMI saya 32. Saya berasa ____. Kini, BMI saya 20. Saya berasa ____.



Info Bahasa

Kata adjektif perasaan ialah perkataan yang membawa pengertian konsep perasaan.
Contoh: sayang, sedih, rindu, marah

Aktiviti

Menggunakan kata adjektif perasaan mengikut konteks.

Nota Guru 5.1.3 (ii)

- Bimbing murid memahami kata adjektif perasaan.

KB – Menaakul PM – Amali
EMK: Nilai Murni – Menjaga kesihatan diri

UNIT 5

Kebersihan Tanggungjawab Bersama

Mendengar dan Bertutur

Pilihan Tepat Kita Selamat



Gunakanlah sabun organik yang mengandungi minyak zaitun dan daun lidah buaya.

Baiklah, saya akan menggunakan sabun ini.

Sila pilih sabun yang tiada pengawet.

Usah risau, sabun ini sesuai untuk kulit sensitif.



Jangan pilih sabun yang ada pewarna.

Sila pilih sabun yang tiada pewangi.

Aktiviti

Mendengar, memahami dan memberikan respons.

Nota Guru 1.1.2 (ii)

- Bimbing murid memberikan respons terhadap ayat silaan dan ayat larangan mengikut konteks.

KB – Menghubung kait
KP – Interpersonal
EMK: Nilai Murni – Kebersihan diri

Membaca


Mari Bersihkan Diri

Kita perlu mandi sekurang-kurangnya dua kali sehari. Setelah seharian terdedah kepada habuk dan debu, mandi ialah cara yang terbaik untuk membersihkan kulit.

Amalan mandi dapat menghilangkan bau peluh dan bau badan. Aktiviti fizikal seperti aktiviti senaman dan kegiatan kokurikulum menyebabkan murid-murid cepat berpeluh.

Amalan mandi juga dapat mengelakkan penyakit kulit. Jerawat, kurap, ruam dan gatal-gatal adalah antara penyakit kulit yang sering dialami oleh seseorang. Bersihkan kulit, terutama di bahagian lipatan kulit seperti di bahagian celahan ketiak, paha dan leher dengan sabun yang sesuai. Selepas mandi, keringkan kulit dengan tuala yang bersih.

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)



Aktiviti

Membaca petikan dan memahami maklumat dalam setiap perenggan.

Nota Guru 2.1.2 (ii)

- Bimbing murid membaca perenggan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.
- Bimbing murid melengkapkan peta grafik.

KB – Menganalisis
EMK: Nilai Murni – Kebersihan
Konstruktivisme – Menerangkan dan menjelaskan idea baru

Menulis

Premis Makanan Pilihan Anda


Cikgu Intan, Guru Pendidikan Kesihatan Kelas 3A, telah memberikan tugasan kepada murid-muridnya. Mereka perlu mencari maklumat tentang pemilihan premis makanan yang bersih. Hanif telah mendapat maklumat yang berikut.



Pengusaha makanan di premis makanan perlu memakai pakaian yang sesuai dan bersih. Amalan ini akan memastikan makanan terhindar daripada bakteria. Pengusaha makanan perlu memakai apron, sarung tangan dan penutup kepala.



Makanan yang telah dimasak perlu ditutup.
– mengelakkan makanan dihinggapi lalat
– membawa penyakit – taun – cirit-birit – _____.



Peralatan memasak – bersih
– menjamin kualiti makanan
– _____



_____

Info

Premis ialah bangunan atau kawasan tempat mengurus perniagaan dan sebagainya.

Aktiviti

Menulis perenggan berpandukan bahan.

Nota Guru 3.2.1 (ii)

- Bimbing murid membina dan menulis perenggan berpandukan maklumat.


KB – Menjana idea
Kontekstual – Mengalami
EMK: Nilai Murni – Kebersihan persekitaran

Seni Bahasa

Jagalah Kebersihan



Saiful baru sahaja pulang daripada latihan bola sepak di sekolah. Muka Saiful masam seperti cuka kerana kepenatan. Oleh sebab kepenatan, Saiful terus tertidur. Dia terlupa akan pesan ibunya supaya mandi serta menukar cadar dan sarung bantal baharu terlebih dahulu.



"Wahai rakyat sekalian, beta hendak meluaskan jajahan agar luas bak lautan. Kita telah berjaya menjajah kawasan selimut Saiful yang lembut bagai sutera. Kini, kita akan menjajah pula bahagian sarung bantal Saiful yang putih seperti kapas," titah Raja Hama.

Cadangan Raja Hama yang bijak laksana pendeta mendapat sokongan rakyatnya. Rakyat kerajaan Hama, walaupun kecil macam kuman tetapi sebenarnya kuat macam Badang. Rakyat kerajaan Hama mula menyerang secara senyap dengan menggigit kaki Saiful. Saiful berasa pedih bak sembilu. Saiful berusaha melarikan diri.



"Saiful, Saiful, Saiful."

Tiba-tiba, Saiful mendengar namanya dipanggil. Saiful terjaga daripada tidur. Dia bermimpi rupanya. Saiful bingkas bangun dan menyalin cadar serta sarung bantalnya. Ibu tersenyum melihat telatah Saiful. Wajah ibu kelihatan manis umpama madu.



Info

Hama ialah haiwan perosak yang seni (halus), berbentuk leper, berkaki lapan dan berwarna merah.
(Sumber: Kamus Dewan Edisi Keempat)

Info Bahasa

Bandingan semacam ialah bahasa kiasan yang menunjukkan perbandingan menggunakan *macam*, *seperti*, *bagai*, *bak*, *umpama* dan *laksana*.
Contoh:
- adil macam hakim
- angkuh seperti merak

Aktiviti

Bercerita menggunakan bandingan semacam.

Nota Guru 4.1.1 (ii)

- Bimbing murid memahami bandingan semacam dalam petikan cerita.

KB – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Kebersihan persekitaran
Konstruktivisme – Verbal linguistik

Kata Adjektif Pancaindera



Dapur Bersih

Dapur ini bersih sekali. Dapur ini amat selesa. Dapur ini juga cantik dan kemas. Sampah dibuang ke dalam tong sampah untuk mengelakkan bau busuk dan tengik. Selain itu, dapur ini kering. Dapur yang lembap akan mengundang kehadiran lalat, lipas dan tikus.

Dapur yang lembap hendaklah dilap supaya _____.
Lantai yang basah menyebabkan lantai menjadi _____.
Dapur yang selalu dicuci akan kelihatan _____.

Kita perlu memastikan dapur _____ dan _____ supaya kita dapat memasak dengan _____.



Info Bahasa

Kata adjektif pancaindera terdiri daripada perkataan yang menerangkan konsep rasa, pandang, dengar, bau, sentuh atau gabungan kelima-lima indera.

Contoh:

- Deria rasa
  kelat, masin, tawar
- Deria pandang
  cantik, buruk, kacak
- Deria dengar
  merdu, bising, mersik
- Deria bau
  busuk, hancing, wangi
- Deria sentuh
  kesat, kasar, licin
- Gabungan deria
  bersih, selesa, tenteram

Aktiviti

Membina ayat menggunakan kata adjektif pancaindera.

Nota Guru 5.1.3 (iii)

- Bimbing murid memahami kata adjektif pancaindera dengan merujuk kamus.

KB – Mengecam
BCB – Membuat rujukan
EMK: Nilai Murni – Rasional

Kata Hubung

Cegah Lalat

Manusia perlu berwaspada dengan lalat kerana lalat boleh membawa penyakit. Lalat gemar menghurung kawasan kotor lalu hinggap di atas makanan.



Info Bahasa

Kata hubung ialah perkataan yang berfungsi untuk menghubungkan dua binaan ayat atau lebih sehingga membentuk ayat majmuk.
Contoh: dan, atau, lalu, yang, bahawa, untuk, hingga, kerana, kalau
Ayat 1: Manusia perlu berwaspada dengan lalat.
Ayat 2: Lalat boleh membawa penyakit.
Kata hubung: kerana
Ayat majmuk: Manusia perlu berwaspada dengan lalat kerana lalat boleh membawa penyakit.

Aktiviti

Menggunakan kata hubung mengikut konteks.

Nota Guru 5.1.4 (i)

- Bimbing murid mengenal pasti dan menggunakan kata hubung.

KB – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Rasional
Konstruktivisme – Meneroka

UNIT 6

Minda Positif Badan Aktif

Mendengar dan Bertutur

Aromaterapi



Aromaterapi ialah rawatan yang menggunakan titisan minyak pati tumbuhan. Aromaterapi dilakukan dengan cara urutan di badan, dihidu wapnya atau dititiskan ke dalam air mandian. Rawatan aromaterapi memberikan kesan positif kepada emosi dan psikologi individu. Sebagai contoh, minyak pati lavender mampu memberikan ketenangan minda. Khasiat pati tumbuhan lada hitam dan serai wangi pula boleh melancarkan peredaran darah.

(Sumber: Diubah suai daripada "Kesan Positif Aromaterapi", www.kosmo.com.my)

Saiful, baru-baru ini, saya ada membaca artikel tentang aromaterapi.

Apakah aromaterapi itu, Hanif?

Aromaterapi ialah rawatan yang menggunakan minyak pati tumbuhan.

Bagaimanakah rawatan aromaterapi dilakukan?

_____.

_____.

Apakah kesan-kesan aromaterapi?

Aktiviti

Memberikan respons terhadap soalan bertumpu.

Nota Guru 1.1.3 (i)

- Bimbing murid mentafsir bahan.

KB – Mengesan kecenderungan
EMK: Nilai Murni – Rasional

KP – Interpersonal

Membaca

Yakin Boleh

Murid-murid Tahun 3 SK Gemilang telah mengikuti ceramah motivasi yang bertajuk, "Yakin Boleh". Ceramah tersebut telah disampaikan oleh kaunselor, Encik Firdaus bin Abdullah. Hanif telah membuat catatan dan menghantar e-mel kepada Kiran.



Daripada	Hanif
Kepada	Kiran
Perkara	Yakin Boleh

Arial 12 **B** *I* U T

Menurut Encik Firdaus, setiap murid perlu mengamalkan percakapan positif kepada diri sendiri. Kata-kata seperti "Saya Pasti", "Saya Boleh", "Saya Bijak", "Saya Juara", "Saya Disayangi", "Saya Kuat" adalah antara kata positif yang dapat meningkatkan keyakinan diri.

Setiap murid perlu mempunyai penghargaan kendiri yang tinggi. Mereka dapat menilai diri dengan positifnya dan yakinnya akan kebolehan diri sendiri. Murid-murid yang sihat dari segi fizikal, mental, rohani dan sosial pasti akan berjaya dalam kehidupan.



Aktiviti

Membaca petikan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

Nota Guru 2.1.2 (iii)


- Minta murid memberikan kata-kata positif kepada diri sendiri.

KB – Menyesuaikan
EMK: Nilai Murni – Yakin diri
Kontekstual – Mengaplikasi

Menulis

Elakkan Kuman

Hanif dan datuknya menziarahi rakan datuknya di Hospital Melaka. Hanif melihat maklumat tentang kuman yang ditampalkan pada dinding.



Cara Mengelakkan Kuman Tersebar

Makanan
- masak makanan dengan sempurnanya
- elakkan makanan yang tercemar
- basuh sayur dan buah dengan bersihnya

Pernafasan
- tutup mulut semasa bersin dan batuk
- pastikan jarak yang sesuai semasa bercakap dengan pendengar

Minuman
- gunakan air terawat
- elakkan air tercemar
- basuh gelas dengan sempurnanya

Sentuhan
- sentiasa mencuci tangan sebelum makan
- cuci tangan dengan cara yang betul

Gigitan
- elakkan gigitan serangga
- elakkan gigitan binatang liar
- segera dapatkan rawatan jika digigit oleh serangga atau binatang liar

(Sumber: Mediktv.com)

- Siapakah yang diziarahi oleh Hanif dan datuknya?
- Di manakah Hanif melihat maklumat tentang kuman?
- Bagaimanakah kita dapat mengelakkan kuman daripada tersebar?
- Apakah cara agar kuman tidak tersebar melalui makanan?
- Apakah tindakan yang perlu kita lakukan supaya minuman tidak menjadi punca kuman tersebar?

Aktiviti

Menghasilkan jawapan pemahaman.

Nota Guru 3.2.2 (i)

- Bimbing murid menjawab soalan pemahaman berpandukan bahan.

KB – Menghubung kait
KP – Intrapersonal
EMK: Nilai Murni – Kebersihan fizikal

Kata Sendi Nama

Cergas dan Cerdas

Hanif terpilih untuk menyertai pasukan pelapis bola sepak sekolahnya. Dia mendapat latihan daripada Cikgu Rashid.

Kata sendi nama | Frasa nama

Undangan ke Perlawanan Bola Sepak Persahabatan antara SK Gemilang dengan SK Perdana.
TARIKH: 5 Mac 20□□
TEMPAT: Padang Sekolah SK Perdana
MASA: 9:00 - 11:00 pagi
HARI: Sabtu

Pasukan bola sepak sekolahnya selalu berlatih di padang sekolah pada waktu petang. Mereka akan berlatih dari pukul 5:00 hingga pukul 6:00 petang.

Permainan bola sepak juga mengubah Hanif daripada murid yang kurang keyakinan diri kepada murid yang lebih bersemangat dan yakin diri.

Setelah menjalani latihan, pasukan bola sepak SK Gemilang akan mengadakan perlawanan persahabatan dengan SK Perdana pada minggu hadapan.

Perlawanan akan bertempat _____ padang sekolah SK Perdana. Perlawanan bermula _____ pukul 9:00 pagi _____ pukul 11:00 pagi. Perlawanan ini diadakan _____ hari Sabtu.

digunakan di hadapan frasa nama yang merujuk waktu atau tempat.

digunakan di hadapan frasa nama yang merujuk manusia atau binatang.



di padang sekolah

digunakan di hadapan frasa nama yang menunjukkan tempat.

Info Bahasa

Kata sendi nama ialah kata yang digunakan untuk menyambungkan frasa nama dengan kata atau frasa-frasa dalam ayat.
Contoh:
dari: digunakan di hadapan frasa nama yang menunjukkan tempat, arah atau waktu.
daripada: digunakan di hadapan frasa nama yang menyatakan punca bagi manusia, binatang, benda dan untuk perbandingan.
ke: digunakan di hadapan frasa nama yang menunjukkan tempat, arah tuju atau waktu.

Aktiviti

Menggunakan kata sendi nama mengikut konteks.

Kata Arah


Kembara Sihat

SK Gemilang akan mengadakan program Kembara Sihat pada hari Ahad ini. Cikgu Haris telah menyampaikan taklimat tentang laluan kembara tersebut.

Bermula dari hadapan pagar sekolah, kamu perlu berlari sejauh 100 meter hingga simpang tiga. Belok ke kiri menuju ke arah utara dan teruskan berjalan laju sejauh 100 meter lagi.

Setibanya di hujung jalan, kamu akan membelok ke kanan. Teruskan berlari pecut sejauh 100 meter. Belok ke _____ dan mulakan larian zig zag sejauh 100 meter.Teruskan mendaki dan menuruni Bukit Sirih.

Bermula dari _____ Bukit Sirih, berjalan perlahan sejauh 100 meter ke _____. Belok ke _____ dan berjalan laju sejauh 200 meter. Belok ke _____ dan berlarilah hingga garisan penamat.



Info Bahasa

Kata arah berfungsi untuk menunjukkan hala atau kedudukan.
Contoh: atas, tengah, luar, bawah, utara, hujung, dalam

Aktiviti

Menggunakan kata arah mengikut konteks.

Pengukuhan

Dengar dan berikan respons terhadap soalan yang diberikan.

Gejala Taun

- Taun antara penyakit utama bawaan air dan makanan yang tercemar.
- Penyakit taun lebih mudah merebak di kawasan tercemar yang tidak mempunyai bekalan air bersih dan tiada kemudahan tandas yang sempurna.
- Mereka yang dijangkiti taun akan mengalami cirit-birit.
- Jika mengalami cirit-birit, minum banyak air bersih dan air garam (larutan rehidrasi oral).
- Jika cirit-birit berterusan lebih daripada 48 jam dan individu tidak mampu untuk minum, segera dapatkan rawatan.
- Gejala yang teruk boleh membawa maut.
- Elakkan taun dengan penjagaan kebersihan dan kesihatan.

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)



Penilaian

(a) Berikan respons yang sesuai. Kemudian, ujarkan.



(b) Isi tempat kosong dengan kata hubung dan kata sendi nama yang betul.

di	sejak	lalu
kerana	dan	pada

1. Imran bangun apabila namanya dipanggil ____ bergerak ke hadapan.
2. Para peserta sedih apabila program berbasikal itu ditangguhkan ____ hujan lebat.
3. Perlawanan badminton itu ____ waktu petang.
4. Saya makan roti ____ minum susu untuk mendapatkan tenaga.
5. Berakhirnya larian maraton itu ____ pintu pagar SK Gemilang.
6. Kita perlu mengamalkan gaya hidup sihat ____ kecil lagi.

1.1.2 (i), (ii), 2.1.2 (i), 3.2.1 (i), 5.1.4 (i), (ii)

Bacaan Luas

Hari Sukan Negara

Sambutan Hari Sukan Negara telah diisytiharkan pada hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober pada setiap tahun. Hari Sukan Negara ini ialah satu langkah ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah "Negara Bersukan".



Objektif Hari Sukan Negara untuk menerapkan budaya sukan dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat. Pelbagai aktiviti sukan dan riadah diadakan untuk memastikan setiap lapisan masyarakat mengambil bahagian. Aktiviti ini juga dapat menyemarakkan nilai kasih sayang dalam kalangan anggota keluarga.



Selain itu, Hari Sukan Negara juga dapat meningkatkan pembangunan ekonomi negara dan pengetahuan sukan dalam kalangan rakyat. Akhir sekali, Hari Sukan Negara mengiktiraf rakyat Malaysia yang terlibat dalam aktiviti pembangunan sukan.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada: http://www.harisukannegara.my/tentang-sn.html)






TEMA 3

KESELAMATAN





UTAMAKAN KESELAMATAN





Aktiviti

Berikan pendapat tentang maklumat dalam poster.

UNIT 7

Keselamatan di Rumah

Mendengar dan Bertutur

Jeriji Tingkap yang Selamat



Hanif, jeriji ini lebih selamat berbanding dengan jeriji lain jika berlaku kecemasan. Jeriji ini boleh dibuka dari dalam rumah.

Langkah pertama, kita hanya perlu ____.

____.

Pada pendapat Hanif, jeriji yang bagaimanakah yang selamat dipasang?

Mengapakah pencuri tidak boleh memasuki rumah?

Bagaimanakah cara untuk membuka jeriji ini?


Mengapakah kita memasang jeriji ini, ayah?

____


____

Jeriji tingkap penting demi keselamatan keluarga dan harta benda. Jeriji yang dipasang harus mempunyai ciri-ciri keselamatan. Jeriji perlu mudah dibuka dari dalam oleh semua penghuni. Penceroboh pula tidak dapat membuka jeriji dari luar. Yang berikut ialah langkah untuk membuka jeriji.

Langkah 1
Cabut pin keselamatan.



Langkah 2
Gelongsorkan jeriji.



(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Bahagian Penyiasatan Kebakaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia)

Aktiviti

Mendengar dan memberikan respons terhadap soalan bercapah.

Nota Guru 1.1.3 (ii)

- Bimbing murid mentafsir bahan.

KB – Menaakul
EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

Konstruktivisme – Menerangkan dan menjelaskan idea baru

Membaca

Keselamatan Rumah Panjang di Sarawak

Nabila dan keluarganya melawat ke Kampung Budaya di Santubong, Sarawak. Semasa di sana, mereka dapat melihat pelbagai rumah tradisional masyarakat Sarawak. Nabila tertarik akan keunikan rumah panjang suku kaum Iban yang dilawatinya.



Oh, rumah panjang tradisional masyarakat Iban memang bertiang tinggi! Tiang tinggi ini antara ciri keselamatan pada rumah panjang. Tiang yang tinggi dapat mengelakkan rumah panjang ditenggelami banjir kerana kebanyakan rumah dibina berhampiran dengan sungai.

Rumah panjang bertiang tinggi juga adalah untuk menghalang serangan binatang buas. Selain itu, pada zaman dahulu, rumah panjang yang bertiang tinggi juga berfungsi untuk melindungi rumah daripada serangan musuh.

Untuk pengetahuan semua, tangga rumah panjang juga mempunyai ciri-ciri keselamatan. Tangga diperbuat daripada sebatang kayu sahaja. Musuh yang menyerang terpaksa menaiki tangga seorang demi seorang. Hal ini memudahkan penghuni untuk mempertahankan diri.

(Sumber: Diubah suai daripada *Seni Bina Rumah Panjang Kaum Iban di Sarawak* (1984))

mengelakkan

Maksud
menghindari
Huraian maksud
menjauhkan sesuatu supaya tidak terkena sesuatu bahaya.

Aktiviti

Membaca dan mengenal pasti maksud kosa kata.


Nota Guru 2.2.1 (i)

- Bimbing murid mencari maksud kosa kata menggunakan kamus.

KB – Mengenal pasti
BCB – Membuat rujukan
EMK: Kreativiti

Menulis


Tutup supaya Selamat



Sebelum

Hanif dan adiknya suka menunggang basikal di halaman rumah mereka. Pada suatu hari, Hanif telah terjatuh semasa menunggang basikal. Lutut Hanif terluka. Ayahnya, Encik Salim mendapati longkang itu perlu ditutup.

Encik Salim telah memasang penutup longkang. Penutup longkang itu diperbuat daripada bahan yang kukuh. Pemasangannya juga dilakukan dengan kemasnya. Beliau berharap agar kemalangan tersebut tidak berulang lagi. Kini, Hanif dan adiknya boleh menunggang basikal dengan selamatnya.



Selepas

1. Apakah bahayanya longkang yang tidak ditutup?
2. Mengapakah kita perlu memasang penutup longkang?
3. Bolehkah kamu jelaskan punca Hanif terjatuh?
4. Pada pendapat kamu, apakah ciri-ciri penutup longkang yang selamat?
5. Apakah nilai murni yang ditunjukkan oleh Encik Salim?

Aktiviti

Menghasilkan jawapan pemahaman.

Nota Guru 3.2.2 (ii)

- Bimbing murid menaakul bahan.

KB – Mensintesis
EMK: Nilai Murni – Kasih sayang

BCB – Bacaan intensif


Seni Bahasa



Tumbuhan Berbahaya



Nabila sentiasa melayari Internet untuk menambahkan ilmu pengetahuan. Dia tidak mahu menjadi seperti katak di bawah tempurung. Semasa melayari Internet, Nabila terbaca tentang pokok duit-duit yang berbahaya. Pokok ini tidak sesuai dijadikan tanaman hiasan.



Nabila – pantas – seperti lipas kudung – memberitahu ibunya – bahaya getah pokok duit-duit – ibunya tidak menyangka – menjejaskan keselamatan keluarganya



Ibu Nabila gelisah – seperti cacing kepanasan – memanggil suaminya – membuang pokok duit-duit



- bersungguh-sungguh bukan seperti melepaskan batuk di tangga – bekerjasama bagai aur dengan tebing

(Sumber: Diubah suai daripada Pokok Menarik tetapi Beracun, Harian Metro, 29 Julai 2017)

Aktiviti

Bercerita dengan menggunakan perumpamaan.

Nota Guru 4.1.1 (iii)

- Bimbing murid bercerita dengan menggunakan perumpamaan yang sesuai.

KB – Menghubung kait
KP – Verbal linguistik
EMK: Nilai Murni – Kasih sayang

Kata Tanya

Waspada Selalu



Nabila sedang membaca buku di dalam bilik. Ayahnya mengingatkan Nabila agar sentiasa berhati-hati semasa mengambil buku di rak.

Rak buku itu agak usang. Rak buku itu telah dipasang tiga tahun yang lalu. Oleh itu, buku-buku di rak haruslah tidak terlalu banyak dan tidak penuh muatannya.

Menurut ayahnya lagi, objek tajam dan berat seperti gunting, pembaris keluli dan pasu bunga tidak boleh diletakkan di rak buku. Jika terjatuh, objek tersebut boleh mencederakan Nabila. Oleh itu, untuk mengelakkan bahaya kepada Nabila, objek tersebut mestilah diletakkan di tempat yang berasingan.

Di manakah Nabila membaca buku?	untuk menanyakan nama sesuatu tempat
Siapakah _____ ?	untuk bertanya tentang orang
Bilakah _____ ?	untuk menanyakan masa berlakunya sesuatu perkara
Berapakah _____ ?	untuk menanyakan jumlah atau bilangan sesuatu benda
Apakah _____ ?	untuk menanyakan sesuatu perkara, benda atau binatang
Mengapakah _____ ?	untuk menanyakan sebab berlaku sesuatu
Bagaimanakah _____ ?	untuk menanyakan cara melakukan sesuatu perkara

Info Bahasa

Kata tanya ialah kata yang digunakan untuk menanyakan sesuatu.
Contoh: apa, bila, siapa, mengapa, bagaimana, mana

Aktiviti

Menggunakan kata tanya dengan betulnya.

Nota Guru 5.1.4 (iv)

- Bimbing murid mengenal pasti ayat penyata.
- Bimbing murid menyatakan kata tanya yang sesuai.

KB – Mengenal pasti
EMK: Keselamatan
Kontekstual – Menghubung kait

BA1: 51 & 52

UNIT 8

Rekreasi Selamat

Mendengar dan Bertutur

Seronoknya Berkuda

Semasa cuti sekolah, Encik Ismail dan keluarganya ke Taman Ekuestrian Putrajaya. Mereka ingin menunggang kuda.






Aktiviti

Bertutur untuk menjelaskan dan menilai sesuatu perkara secara bertatasusila.

Nota Guru 1.2.1

- Bimbing murid menaakul gambar dan bertutur tentang gambar.

KB – Menjana idea
EMK: Nilai Murni – Rasional
Konstruktivisme – Menilai dan menaksir



Membaca

Memanjat Tembok Tiruan

Aktiviti memanjat tembok tiruan ialah aktiviti sukan lasak. Terdapat beberapa peringkat tembok tiruan. Peringkat itu adalah daripada yang mudah untuk kanak-kanak hinggalah yang sukar untuk ahli sukan.

Pelbagai peralatan keselamatan perlu dipakai oleh pemanjat sebelum memanjat tembok tiruan. Antara peralatan keselamatan yang diperlukan ialah tali keselamatan, topi keselamatan, tali abah-abah, penyangkut tali, kapur tangan, pelindung lutut dan alat kawalan tali.



melindungi keselamatan anggota badan



mengesatkan tangan



menahan badan daripada terjatuh

Selain itu, pemanjat perlu mematuhi langkah-langkah keselamatan untuk memanjat tembok tiruan. Pemanjat perlu memakai peralatan keselamatan. Di samping itu, aktiviti regangan perlu dilakukan oleh pemanjat untuk mengelakkan kecederaan otot. Pemanjat juga perlu mengikut arahan jurulatih supaya dapat memanjat dengan selamatnya.



Terdapat beberapa faedah memanjat tembok tiruan. Aktiviti ini menguji ketahanan mental dan fizikal seseorang. Aktiviti ini juga menyeronokkan dan boleh mengisi masa lapang.

Semasa berekreasi dan melakukan sebarang aktiviti, aspek keselamatan perlulah diutamakan.



Perenggan 1

Idea utama: Terdapat beberapa peringkat tembok tiruan.
Idea sampingan: Peringkat itu adalah daripada yang mudah untuk kanak-kanak hinggalah yang sukar untuk ahli sukan.

Perenggan 2

Idea utama: Pelbagai peralatan keselamatan perlu dipakai oleh pemanjat sebelum memanjat tembok tiruan.
Idea sampingan: Peralatan keselamatan yang diperlukan ialah _____.

Perenggan 3

Idea utama: _____.
Idea sampingan: 1. Pemanjat perlu memakai peralatan keselamatan.
2. Aktiviti regangan perlu dilakukan untuk mengelakkan kecederaan otot.
3. _____.

Perenggan 4

Idea utama: _____.
Idea sampingan: _____.

Aktiviti

Mengenal pasti idea utama dan idea sampingan.

Nota Guru 2.2.1 (ii)

- Bimbing murid menerangkan idea utama dan idea sampingan yang terdapat dalam teks.

KB – Menganalisis
BCB – Bacaan intensif
EMK: Nilai Murni – Keberanian


Menulis

Tradisional dan Moden

Hanif dan datuknya menaiki rakit getah. Datuk berdayung sambil bercerita tentang pengalamannya berakit. "Dahulu, datuk sering berakit dengan rakit buluh. Datuk membuat rakit dengan batang buluh. Kemudinya daripada sebatang buluh yang panjang. Pada masa itu, jaket dan topi keselamatan mahal harganya. Rakit buluh datuk kurang selamat kerana pernah terlerai setelah ikatannya terputus. Datuk terselamat kerana datuk mahir berenang," cerita datuk.



"Rakit getah ini lebih selamat dan kukuh tetapi harganya mahal. Rakit getah ini juga mudah dikendalikan dengan pendayung. Ayah telah berpesan supaya memakai jaket keselamatan semasa berakit. Aktiviti berakit dengan rakit buluh atau rakit getah ialah aktiviti rekreasi air yang menyeronokkan. Saya sungguh gembira kerana dapat berakit bersama-sama dengan datuk hari ini," kata Hanif.



Aktiviti

Membanding beza dan mencatat maklumat.

Nota Guru 3.2.3

- Bimbing murid menaakul bahan untuk membanding beza.

KB – Membanding beza
BCB – Mencatat nota
EMK: Nilai Murni – Prihatin

Kata Perintah

Usah Gentar

Hanif menyertai perlumbaan pedal go-kart. Hanif ditemani oleh keluarganya. Sementara menunggu perlumbaan bermula, mereka berbual-bual.

Ayah: Hanif, kamu jangan gementar. Ayah harap kamu dapat berlumba dengan tenangnya.

Hanif: Usahlah ayah risau. Doakan semoga saya berjaya.

Ibu: Hanif, sila patuhi peraturan perlumbaan. Ibu minta kamu berusaha bersungguh-sungguh. Kamu mampu menjadi juara.

Hanif: Baiklah, ibu. Saya akan mematuhi nasihat ibu. Ibu, _____ kemaskan ikatan topi keledar saya ini. Ayah dan ibu, _____ duduk di sana. Kerusi itu disediakan untuk ayah dan ibu.

jenis larangan | jenis permintaan | jenis silaan



Info Bahasa

Kata perintah ialah kata yang boleh menimbulkan tindak balas terhadap perintah, arahan, larangan, silaan atau permintaan.

Contoh:

jangan, usah (menegah seseorang melakukan sesuatu)

tolong, minta, harap (memohon pertolongan dan membuat permintaan)

sila, jemput (mempersilakan seseorang)

Aktiviti

Membaca dan melengkapkan teks dengan kata perintah.

Nota Guru 5.1.4 (v)

- Bimbing murid mengenal pasti kata perintah yang sesuai.

KB – Mengecam
KP – Interpersonal
EMK: Nilai Murni – Berdisiplin

Kata Seru

Wah, Seronoknya Meneroka Gua!

Hanif dan keluarganya bercuti di Perlis. Mereka ke Gua Kelam. Untuk langkah keselamatan, mereka memakai baju berlengan panjang, berseluar sukan dan berkasut.

"**Eh**, banyaknya haiwan berbisa di sini! Hati-hati Hanif," ibunya mengingatkan Hanif.

"Baiklah, ibu. Saya akan berhati-hati," kata Hanif.

"**Nah**, ambil lampu suluh ini! Hati-hati berjalan," nasihat ayahnya.

"Terima kasih, ayah," balas Hanif.

"**Wah**, cantiknya pemandangan di dalam gua ini!" kata Hanif dengan kagumnya.

"Ya, abang. _____, sungguh mengagumkan batu-batu di sini!" kata adiknya, Hajar.

"_____, jernihnya air sungai ini! Kita dapat melihat ikan dengan jelasnya," kata ibu mereka.

- menyatakan perasaan hairan
- menyatakan perasaan ketika memberikan sesuatu
- menyatakan perasaan kagum



Info Bahasa

Kata seru ialah kata yang digunakan untuk menyatakan perasaan. Tanda seru (!) hanya hadir pada akhir ayat. Tanda koma (,) biasanya diletakkan selepas kata seru.
Contoh: Nah, ambil lampu suluh ini!

Kata Seru	Perasaan
Eh	hairan
Nah	memberikan sesuatu
Wah	kagum
Oh	terkejut atau kagum
Amboi	hairan atau kagum
Syabas	gembira

Aktiviti

Menggunakan kata seru untuk melengkapkan dialog.

Nota Guru 5.1.4 (vi)

- Bimbing murid menggunakan kata perintah yang sesuai.

KB – Mengenal pasti
KP – Interpersonal
EMK: Nilai Murni – Prihatin

UNIT 9

Alatan Keselamatan



Mendengar dan Bertutur

Mangga Keselamatan

Saiful dan bapanya ke pasar raya. Mereka ke bahagian peralatan rumah. Mereka ingin membeli mangga. Mangga juga disebut ibu kunci.

Mangga ini sesuai untuk rumah kita, ayah.

Mangga ini terdapat dalam pelbagai saiz. Kita boleh memilih mangga yang sesuai dengan pintu rumah kita.

Wah, mangga yang ayah pegang itu nampak unik! Tetapi, harganya lebih mahal.

Kita beli ____ kerana ____.

Apakah kelebihan mangga itu, Saiful?

Namun begitu, mangga itu diperbuat daripada besi yang mudah berkarat, senang dipecahkan dan mudah dipotong.

Ya, Saiful. Mangga ini ____.

Mangga yang manakah yang sesuai kita beli, Saiful?



- diperbuat daripada keluli
- tahan karat
- kukuh dan sukar dipotong
- mempunyai siren dan berbunyi apabila diusik

Info

Mangga ialah ibu kunci yang digunakan untuk mengunci pintu rumah dan pintu pagar.

Aktiviti

Membanding beza dan menjelaskan maklumat.

Nota Guru 1.2.2

- Bimbing murid mempersembahkan hasil perbincangan.

KB – Membanding beza
KP – Interpersonal
EMK: Nilai Murni – Rasional

Membaca



Lampu Kecemasan

Makmal komputer sekolah Imran baru sahaja dilengkapi dengan lampu kecemasan. Lampu kecemasan ini diletakkan di bahagian atas pintu keluar dan pada bahagian siling bangunan.

Lampu kecemasan ini berfungsi secara automatik. Apabila bekalan elektrik terputus, lampu ini akan menyala. Sebaliknya, apabila bekalan elektrik kembali pulih, lampu ini akan terpadam. Lampu kecemasan ini berfungsi untuk menerangi makmal komputer buat sementara.

Lampu kecemasan memberikan pelbagai kebaikan kepada murid-murid. Lampu ini memudahkan murid-murid dan guru keluar menyelamatkan diri dengan cepatnya pada waktu kecemasan. Alat ini juga dapat mengelakkan suasana panik apabila bekalan elektrik terputus.

(Sumber: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia)

Makmal komputer sekolah Imran baru sahaja dilengkapi dengan lampu kecemasan.

+

Lampu kecemasan ini berfungsi secara automatik.

+

Lampu kecemasan memberikan pelbagai kebaikan kepada murid-murid.

↓

Idea keseluruhan teks adalah tentang _____

Aktiviti

Menyatakan idea keseluruhan teks.

Nota Guru 2.2.1 (iii)

- Bimbing murid membuat kesimpulan untuk menentukan idea keseluruhan.

KB – Mengitlak
EMK: Nilai Murni – Rasional
BCB – Bacaan imbasan dan luncuran
Menilai (mencadangkan)

Menulis

Menampakkan Diri

Hari ini hari penutupan majlis Minggu Keselamatan Jalan Raya. Guru Besar menghadiahi pemenang pertandingan lalu lintas. Hadiahnya ialah sehelai jaket keselamatan. Pemakaian jaket keselamatan ini sangat sesuai semasa menunggang basikal.

Jaket keselamatan ini dilengkapi dengan diod pemancar cahaya (LED) yang lebih terang. Pengguna jalan raya yang memakai jaket keselamatan ini dapat dilihat dengan jelasnya oleh pengguna jalan raya yang lain. Dengan cara ini, kemalangan jalan raya semakin kurang.



Info

Diod pemancar cahaya (LED) ialah sejenis bahan yang mengeluarkan cahaya apabila arus elektrik dialirkan.

Aktiviti

Menulis ayat yang diimlak.

Nota Guru 3.2.4 (i)

- Bimbing murid menulis imlak.

KB – Mengecam
EMK: Nilai Murni – Menghargai
BCB – Mendengar dengan cekapnya

Seni Bahasa

Kamera Pintar



Buah lontar masak berisi,
Dari Rantau tanam di laman;
Kamera pintar alatan inovasi,
Untuk memantau sekitar kediaman.

Pergi ke pekan mencari celagi,
Di dalam raga ikan gelama;
Usah fikirkan harga yang tinggi,
Keselamatan keluarga lebih utama.

Ke pantai Mersing mencari lokan,
Pacu kuda membawa sekam;
Boleh berpusing mengikut gerakan,
Sentiasa waspada untuk merakam.

Dari permatang membawa pulasan,
Pulasan dibawa ke hujung jeti;
Tetamu datang dapat dikesan,
Pencuri didakwa senang dibukti.

Maksud Pantun

Kamera pintar merupakan alatan inovasi yang boleh digunakan untuk mengawasi rumah sendiri.

Walaupun harganya mahal, namun keselamatan keluarga perlu didahulukan.

_____

_____

Aktiviti

Melafazkan dan menjelaskan maksud pantun.

Nota Guru 4.2.1

- Bimbing murid berbincang dalam kumpulan untuk mendapatkan maksud pantun.

KB – Mengenal pasti
KP – Verbal linguistik
EMK: Sains dan Teknologi



Kata Pemeri

Beringat Sebelum Kena

Yee Mei, Fatin dan Darsyini berbual-bual sambil membaca akhbar dalam talian di halaman rumah Fatin.

JOHOR BAHRU, 6 Mac – Kecederaan ketika menggunakan telefon bimbit yang sedang dicas berlaku lagi. Mangsa terbaharu ialah seorang suri rumah. Mangsa dihantar ke hospital berdekatan untuk mendapatkan rawatan.

Menurut pegawai bomba, peralatan berisiko yang menyebabkan kemalangan _____ pengecas tiruan dan bateri tiruan. Penggunaan pengecas yang telah diubah suai juga adalah sangat berbahaya.

Pegawai bomba juga menasihati pengguna agar mematuhi dua langkah keselamatan. Langkah pertama _____ pengguna perlu merujuk manual sebelum mengecas. Langkah kedua pula adalah dari segi penggunaannya. Pastikan satu soket untuk satu pengecas. Langkah tersebut _____ penting demi keselamatan pengguna.

Frasa nama

Frasa adjektif

Frasa sendi nama

Info Bahasa

Kata pemeri **ialah** hadir di hadapan frasa nama, manakala **adalah** hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama.

Aktiviti

Menggunakan kata pemeri yang sesuai.

Nota Guru 5.1.4 (vii)

- Bimbing murid mengenal pasti kata pemeri.

KB – Mengenal pasti
EMK: Nilai Murni – Berhati-hati
BCB – Bacaan intensif

Kata Penguat

Hati-hati semasa Mengundur

Ayah Hanif baru memasang kamera undur pada keretanya. Hanif sungguh kagum dengan kamera tersebut.

kata penguat bebas | kata adjektif



Hanif: Wah, sangat jelas gambarnya, ayah!

Ayah: Ya, Hanif. Kamera model ini paling canggih berbanding dengan model lain di pasaran. Harganya pula murah benar, iaitu RM700.00 selepas potongan harga.

Hanif: Tidak mengapa, ayah. Keselamatan kita _____ penting. Apabila memasang alat ini, kita dapat mengundurkan kereta dengan selamatnya. Bagaimanakah kamera ini berfungsi, ayah?



Ayah: Alat ini _____ mudah untuk digunakan, Hanif. Alat ini berfungsi apabila kita mengundurkan kereta. Skrin ini akan memaparkan gambar di belakang kereta. Bagi ayah, kamera undur ini penting _____.

Info Bahasa

Kata penguat ialah kata yang mengikuti **frasa** atau **kata adjektif** dan berfungsi untuk menguatkan maksud yang terkandung padanya. Terdapat tiga jenis kata penguat.

1. **Kata penguat hadapan** ialah perkataan yang letaknya di hadapan kata adjektif atau frasa adjektif. Contohnya **terlalu**, **paling** dan **agak**.
2. **Kata penguat belakang** ialah perkataan yang letaknya di belakang kata adjektif atau frasa adjektif. Contohnya **sekali**, **benar**, **betul** dan **nian**.
3. **Kata penguat bebas** ialah perkataan yang letaknya bebas sama ada sebelum atau sesudah kata adjektif atau frasa adjektif. Contohnya **amat**, **sangat** dan **sungguh**.


Aktiviti

Menggunakan kata penguat yang sesuai dalam ayat.

Nota Guru 5.1.4 (viii)

- Bimbing murid memahami kata penguat.
- Minta murid menyatakan kata penguat yang terdapat dalam teks.

KB – Mengecam
Kontekstual – Menghubung kait
EMK: Sains dan Teknologi



Pemulihan

Baca teks dan cari maksud perkataan.

1. Encik Ismail **memasang** penutup lubang di bawah pintu rumah.
2. Ruang di bawah pintu perlu ditutup supaya haiwan **berbisa** tidak masuk ke dalam rumah.
3. Imran dan Sarah turut **menyusun** kasut dengan kemasnya.
4. **Penutup** saluran air hendaklah sentiasa ditutup dengan sempurnanya.
5. Mereka **menginginkan** rumah yang selamat.

1	memasang	bermaksud	
2	berbisa	bermaksud	
3	menyusun	bermaksud	
4	penutup	bermaksud	
5	menginginkan	bermaksud	

2.2.1 (i)

Pengayaan

Bina dialog dan lakonkan.

KAD 1

Sebuah keluarga sedang berbual-bual tentang keselamatan di rumah sambil menonton televisyen.

Kata Tugas
- kata tanya
- kata perintah
- kata seru
- kata pemeri

KAD 2

Tiga orang sahabat karib merancang aktiviti rekreasi dan berbual-bual tentang langkah-langkah keselamatan semasa berekreasi.

Kata Tugas
- kata tanya
- kata seru
- kata penguat
- kata arah

KAD 3

Sekumpulan murid sedang berbincang untuk mencipta satu alat keselamatan dan menyatakan kelebihannya.

Kata Tugas
- kata tanya
- kata sendi nama
- kata seru
- kata hubung



5.1.4
(i, ii, iii, iv, v, vi, vii, viii)

TEMA 4

PERPADUAN

Amalan Muafakat

Di tepi selusur batang jerami,
Pokok rotan tumbuh bersirat;
Bertolak ansur saling memahami,
Hubungan persahabatan kian erat.

Dalam kota tumbuh meranti,
Pokok cermai di hujung muara;
Andai kita saling hormati,
Negara damai rakyat sejahtera.

Ikan tenggalan terkena pukat,
Jala tersirat terkena haruan;
Jadikan amalan hidup muafakat,
Tambah erat ikatan perpaduan.



Aktiviti

Melafazkan pantun.

UNIT 10

Toleransi Kukuhkan Perpaduan

Mendengar dan Bertutur

Kami Berbincang

Pertandingan Koir antara Kelas SK Gemilang

SEMPENA SAMBUTAN HARI GURU

Tarikh: 14 Mei 20□□
Masa: 3:00 petang
Tempat: Dewan Besar SK Gemilang

Syarat Penyertaan

(a) Terbuka kepada murid Tahun 3.
(b) Tema pertandingan menghargai jasa guru.
(c) Setiap kumpulan terdiri daripada pelbagai kaum.
(d) Peserta perlu memakai pakaian kebangsaan.

Sila hubungi Cikgu Haris untuk maklumat lanjut.



Aktiviti

Bersoal jawab berdasarkan maklumat dalam poster.

Nota Guru 1.2.3


- Bimbing murid bersoal jawab untuk mendapatkan maklumat.
- Bimbing murid melengkapkan maklumat yang diperoleh dalam ayat.

KB – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Hormat-menghormati
Konstruktivisme – Kembangkan idea dengan persekitaran

BA1: 69

Membaca

Kami Sepakat



Info

ml - mililiter
kcal - kilokalori
g - gram
mg - miligram

Aktiviti

Melengkapkan maklumat berdasarkan bahan.

Nota Guru 2.3.1 (i)

- Bimbing murid membaca dan mengenal pasti maklumat.
- Bimbing murid mempersembahkan hasil perbincangan.

KB – Mengecam
EMK: Nilai Murni – Kerjasama
Konstruktivisme – Menerangkan dan menjelaskan idea baru

Menulis

Bertolak Ansur





- persiapan
- pakaian kebangsaan



- tertinggal samping
- risau




- berikan samping
- guna selendang



- dengan semangatnya
- bangga

Kerangka Karangan



Contoh Karangan

Bertolak Ansur

Sekolah Kebangsaan (SK) Gemilang mengadakan sambutan Hari Kebangsaan. Murid-murid Tahun 3 Angsana yang terdiri daripada pelbagai kaum menyertai persembahan koir.

Murid-murid Tahun 3 Angsana sibuk membuat persiapan. Mereka saling membantu rakan-rakan yang lain tanpa mengira kaum. Mereka memakai pakaian kebangsaan. Murid lelaki memakai baju Melayu dan murid perempuan pula memakai baju kurung.

Jeeva membuka beg. Dia hendak mengambil sampingnya. Tiba-tiba, muka Jeeva berubah. Jeeva tertinggal samping di rumah. Jeeva amat risau kerana dia akan menjejaskan persembahan kumpulannya.

Saiful _____
_____.

Giliran Kumpulan Koir Kelas Tahun 3 Angsana telah tiba. Mereka menaiki pentas dengan tertibnya. Kumpulan tersebut menyanyikan lagu dengan semangatnya. Mereka sangat bangga kerana dapat membuat persembahan.

Aktiviti

Menghasilkan kerangka dan menulis karangan.

Kata Nafi

Hasil Seni

Darsyini, Saiful dan Wei Liang menjalankan aktiviti projek seni.



Info Bahasa

Kata nafi ialah kata yang menjadi unsur nafi bagi frasa predikat.
Ada dua bentuk kata nafi, iaitu bukan dan tidak.

Kata nafi bukan menjadi unsur nafi frasa nama dan frasa sendi nama.
Contoh: Letaknya bukan di atas meja → Frasa sendi nama

Kata nafi tidak menjadi unsur nafi frasa kerja dan frasa adjektif.
Contoh: Tugasan itu tidak susah. → Frasa adjektif

Aktiviti

Menggunakan kata nafi mengikut konteks.

Nota Guru 5.1.4 (ix)


- Bimbing murid mengenal pasti kata nafi dalam teks.

KB – Mengecam
KP – Verbal linguistik
EMK: Nilai Murni – Hormat-menghormati

Kata Bantu

Teka Nama Guru


Murid-murid Tahun 3 Angsana mendapat guru baharu. Mereka menjalankan aktiviti meneka nama guru. Fatin, Darsyini, Wei Liang, Jeeva dan Saiful dalam satu kumpulan. Walaupun mereka terdiri daripada pelbagai kaum, namun mereka gembira menjalankan aktiviti tersebut bersama-sama.



Murid-murid sedang menyusun huruf di atas meja.



Tekaan Fatin dan Darsyini mungkin betul.




Fatin akan meneka nama cikgu. Nama cikgu ialah Intan.


menimbulkan perbezaan masa



Setiap kumpulan boleh meneka dua kali sahaja.



patut _____



telah _____

menyatakan ragam perasaan

Info Bahasa

Kata bantu ialah kata yang memberikan makna tambahan dari segi waktu dan ragam pada frasa predikat. Kata bantu dibahagikan kepada dua, iaitu kata bantu aspek dan kata bantu ragam.
Kata bantu aspek - telah, sudah, akan, sedang, masih, belum, pernah.
Kata bantu ragam - mungkin, boleh, patut, dapat.


Aktiviti

Membina ayat menggunakan kata bantu.


Kata Bilangan

Sukaneka Perpaduan

Murid-murid Tahun 3 Angsana menyertai sukaneka. Cikgu Hadif membahagikan murid-murid kepada tiga kumpulan. Kumpulan tersebut terdiri daripada pelbagai kaum.



Acara bermula. Saiful berjaya memasukkan separuh bilangan bola ke dalam bakul. Jeeva membantu Wei Liang mengutip beberapa biji bola yang terkeluar. Kedua-duanya mengutip bola dengan pantasnya. Saiful memberikan sokongan untuk menaikkan semangat mereka.





Akhirnya, kumpulan Saiful berjaya mendapat tempat pertama.

_____

Info Bahasa

Kata bilangan ialah kata yang menyatakan bilangan atau jumlah sesuatu.
Kata bilangan yang menunjukkan jumlah yang tentu sifatnya
Contoh: satu, dua, tiga, empat, dua puluh, tiga puluh
Kata bilangan yang menunjukkan bilangan tidak tentu
Contoh: beberapa, seluruh, sesetengah, semua
Kata bilangan yang menunjukkan himpunan
Contoh: kedua-dua, keempat-empat, berpuluh-puluh
Kata bilangan yang membawa maksud pecahan
Contoh: setengah, separuh, sepertiga
Kata bilangan yang menunjukkan kedudukan
Contoh: pertama, kedua, kesepuluh

Aktiviti

Membina ayat menggunakan kata bilangan berdasarkan gambar.

Nota Guru 5.1.4 (xi)

- Minta murid mengenal pasti kata bilangan dalam teks.


KB – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Kerjasama
Kontekstual – Mengalami

UNIT 11

Hormat-menghormati Budaya Kita

Mendengar dan Bertutur

Berkongsi Hasil Tanaman



Aktiviti

Memberikan respons berdasarkan ayat suruhan dan ayat permintaan.

Nota Guru 1.1.2 (i)

- Bimbing murid mengenal pasti ayat suruhan dan ayat permintaan dalam teks.
- Secara berpasangan, minta murid bergilir-gilir memberikan respons terhadap ayat suruhan dan ayat permintaan.

KB – Menilai
KP – Interpersonal
EMK: Nilai Murni – Baik hati

Membaca

Manual Laman Aduan Taman Aman

Encik Faisal telah menerima manual Laman Aduan Taman Aman.

LAMAN ADUAN TAMAN AMAN

Makluman kepada semua penduduk Taman Aman. Laman Aduan Taman Aman telah diaktifkan untuk memudahkan sebarang aduan atau cadangan disalurkan. Hal ini bertujuan untuk menjaga kebajikan dan keselesaan penduduk.

Manual

1. Taip nama pengguna: Faisal
2. Taip kata laluan: Faisal123
   (nama pengguna dan kata laluan ini hanya untuk penduduk Taman Aman)
3. Klik paparan Taman Aman
4. Klik butang Aduan
5. Masukkan aduan atau cadangan yang hendak disalurkan
   - laman ini hanya digunakan untuk urusan rasmi
   - terbuka kepada semua kaum
   - aduan atau cadangan yang diberikan mestilah bertatasusila dan menghormati budaya semua kaum
6. Klik butang HANTAR.



Aktiviti

Menyatakan maklumat dalam manual laman aduan.

Nota Guru 2.3.1 (ii)

- Bimbing murid membaca dan mengenal pasti maklumat dalam teks.

KB – Mengecam
Kontekstual – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Semangat bermasyarakat

Menulis

Kami Bersahabat

Saiful, Yee Mei dan Jeeva berbincang untuk menyiapkan karangan tentang menghormati sahabat.

Kerangka Karangan	Karangan
Pendahuluan • hubungan rapat • selain keluarga	Sahabat ialah orang yang mempunyai hubungan yang rapat dengan kita selain keluarga. Apabila bersahabat, kita mestilah saling menghormati.
Isi pertama • jaga tutur kata • elak bahasa kasar	Amalan menghormati sahabat boleh dilakukan dengan _____
Isi kedua _____	Seterusnya,_____
Isi ketiga _____	Selain itu, _____
Penutup • hormati sahabat • orang menghormati kita	Kesimpulannya, jika kita menghormati sahabat, ramai orang akan menghormati kita. Oleh itu, hargailah sahabat kita dengan sebaik-baiknya.



- saling membantu
- ikhlas

- mengambil berat
- berkongsi masalah

Aktiviti

Menulis karangan berdasarkan kerangka.

Nota Guru 3.3.1 (ii)

• Bimbing murid mengenal pasti isi kerangka dan menghasilkan karangan dalam buku latihan.

KB – Menjana idea
EMK: Nilai Murni – Hormat-menghormati
Konstruktivisme – Kembangkan idea dengan persekitaran

Seni Bahasa

Cahaya Keharmonian

Rakan-rakan mari ke mari
Dengar sini saya berperi
Jika mahu hidup harmoni
Bertutur sopan setiap hari

Rakan-rakan dengarlah sini
Saya ingin berperi lagi
Bertolak ansur saling hormati
Sematkannya di dalam hati

Rakan-rakan janganlah leka
Ingat selalu pesanan saya
Kekalkan hidup muafakat kita
Negara makmur aman sentosa

Rakan-rakan mari ke mari
Tiba sudah undur diri
Kita teguh bersatu hati
Terus setia sentiasa berbakti

Melodi lagu
"**Nenek Si Bongkok Tiga**"

IMBAS SAYA



Bahasa Indah

Dengarlah sini saya berperi
Maksud: Dengar saya berkata

Aktiviti

Menyanyikan lagu dan menjelaskan maksud baris yang dicetak berwarna merah dalam lirik lagu.

Nota Guru 4.2.2

- Minta murid menyanyikan lagu mengikut melodi "Nenek Si Bongkok Tiga".
- Bimbing murid menjelaskan maksud dalam lirik lagu.

KB – Mengecam
KP – Logik muzik
EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi

Kata Dasar

Hak Bersama

Situasi 1



Situasi 2

Tindakan membaiki taman permainan.



Info Bahasa

Kata dasar ialah bentuk kata yang boleh menerima imbuhan atau yang boleh mengalami proses pemajmukan dan penggandaan.
Contoh:
ambil - Kita mesti mengambil tindakan.
datar - Kawasan dataran itu sangat luas.

Aktiviti

Membina ayat menggunakan kata dasar berdasarkan gambar Situasi 2.

Nota Guru 5.2.1 (i)

- Bimbing murid mengenal pasti kata dasar lain dalam teks.
- AT – Murid menyenaraikan kata dasar yang lain.

KB – Mengecam
Kontekstual – Mengaplikasi
EMK: Nilai Murni – Tanggungjawab

Kata Berimbuhan Awalan

Mematuhi Peranan

Imbuhan awalan	+	Kata dasar	→	Kata berimbuhan awalan
pen-		duduk		penduduk

Penduduk Taman Aman mengadakan mesyuarat. Semua penghuni **berkumpul** di dewan Taman Aman. Semua penghuni datang awal. Tiada seorang pun yang terlewat.


Pengerusi **meminta** semua penduduk memberikan perhatian dan tidak membuat bising ketika bermesyuarat. Semua penduduk mematuhi arahan. Mereka duduk secara **teratur**.

Penduduk Taman Aman _____dengar ucapan pengerusi dengan tekunnya. Mereka mengangkat tangan apabila hendak _____tanya atau memberikan pendapat.

Dengan cara ini, suasana mesyuarat menjadi harmoni dan lancar. Suasana ini menjadi simbol perpaduan. Setelah selesai bermesyuarat, semua penduduk _____surai. Mereka bersalaman sambil _____senyum.









Info Bahasa

Kata berimbuhan awalan ialah kata yang menerima imbuhan pada bahagian hadapan kata dasar seperti penduduk, berkumpul, meminta dan teratur.

Aktiviti

Menggunakan kata berimbuhan awalan mengikut konteks.

Nota Guru 5.2.1 (ii)

- Bimbing murid mengenal pasti kata berimbuhan awalan dalam teks.
- Bimbing murid menyenaraikan kata berimbuhan awalan berdasarkan teks.

KB – Mengelas
Kontekstual – Mengalami
EMK: Nilai Murni – Semangat bermasyarakat

BA1: 83 & 84

UNIT 12

Kerjasama Asas Kesejahteraan

Mendengar dan Bertutur

Bersatu Memberikan Sokongan

Penduduk Taman Aman bekerjasama dengan tokoh usahawan untuk memberikan hadiah kepada murid-murid cemerlang.

Encik Faisal: Jemput duduk, Encik Azhar. Semua tetamu telah sampai.
Encik Azhar: Terima kasih, Encik Faisal.
Encik Faisal: Encik Azhar, saya harap kerjasama ini dapat diteruskan demi kecemerlangan anak-anak Taman Aman.
Encik Azhar: Usah risau, Encik Faisal. Kami sentiasa bersedia untuk membantu.
Encik Faisal: Terima kasih atas sumbangan Encik Azhar.



Aktiviti

Memberikan respons terhadap ayat silaan dan ayat larangan.

Nota Guru 1.1.2 (ii)


- Murid memahami ayat silaan dan ayat larangan.

KB – Menghubung kait
EMK: Nilai Murni – Bersyukur
Kontekstual – Mengalami

BA1: 85 & 86

Membaca

Bersatu Hati



Pada suatu ketika dahulu, Husin, Raju dan Lim ke hutan. Mereka mencari kayu api.

Tiba-tiba, Raju ternampak seekor ayam hutan. Dia mengekori ayam hutan itu tanpa disedari oleh rakan-rakannya.

Apabila hendak pulang, barulah Husin dan Lim tersedar akan kehilangan Raju. Mereka ingin mencarinya. Namun, mereka tidak berani meredah hutan kerana hari semakin gelap.

Husin dan Lim risau akan keselamatan Raju. Tambahan pula, hutan terlalu luas. Mereka tidak akan berjaya mencari Raju jika berdua sahaja.

Mereka berlari ke rumah ketua kampung. Husin menceritakan kejadian itu. Ketua kampung mengarahkan orang-orang kampung mencari Raju.

Akhirnya, mereka menemui Raju. Raju tersandar pada sebatang pokok kerana kepenatan. Raju mengucapkan terima kasih kepada semua. Dia terharu apabila semua penduduk kampung, tanpa mengira kaum, keluar mencarinya. Dia berjanji tidak akan cuai lagi.

Sekiranya kamu sebagai Raju, apakah yang akan kamu lakukan untuk keluar dari hutan?

Aktiviti

Menerangkan kandungan dan mengaitkannya dengan maksud bersatu hati.

Nota Guru 2.3.1 (iii)

- Bimbing murid membaca teks.

KB – Menjana idea
EMK: Nilai Murni – Semangat bermasyarakat

BCB – Bacaan intensif

Menulis

Pesta Permainan Tradisional

Encik Azhar telah menerima kad undangan ke Majlis Perasmian Pesta Permainan Tradisional Taman Aman. Saiful tertarik melihat tulisan berangkai pada kad undangan tersebut. Dia cuba menulis perkataan yang terdapat dalam kad tersebut dengan tulisan berangkai.

Persatuan Penduduk Taman Aman

dengan segala hormatnya mengundang

Encik Azhar bin Abdul Rahman

ke

Majlis Perasmian
Pesta Permainan Tradisional
Taman Aman

pada 15 Jun 20__, 9:00 pagi
di Dewan Taman Aman

Semoga kehadiran tuan akan memeriahkan majlis kami lagi.
Terima Kasih

Aktiviti

Menulis perkataan yang dicetak berwarna merah dengan tulisan berangkai.

Nota Guru 3.1.1 (ii)

- Bimbing murid menulis perkataan dengan menggunakan bentuk tulisan berangkai dalam buku latihan.

KB – Mengecam
BCB – Bacaan luncuran
EMK: Nilai Murni – Menghargai

Kata Berimbuhan Akhiran

Program Kita Sihat

Kata dasar		Imbuhan akhiran		Kata berimbuhan akhiran
serta	+	-i	→	sertai

Hanif dan Wei Liang, Program Kita Sihat akan diadakan di Dataran Taman Aman. Program tahunan ini mendapat kerjasama Pejabat Kesihatan Alor Gajah, Melaka.

Ya. Program ini dapat memupuk semangat perpaduan antara kita. Program ini perlu kita sertai.



Betul, Wei Liang. Selain itu, pelajar-pelajar dari universiti tempatan juga turut menyertai program ini.



Semua penduduk pelbagai kaum hadir untuk mendengar ceramah Dr. Sukri. Pesan beliau, amal___ pemakanan yang seimbang.



Awas___ pergerakan anak-anak semasa berada di tapak jualan.



Pertandingan kanak-kanak sihat diadakan sebagai tarik___ kepada pengunjung. Pertandingan ini mendapat sambutan meriah daripada keluarga berbilang kaum.

Info Bahasa

Kata berimbuhan akhiran ialah kata yang menerima imbuhan pada bahagian belakang kata dasar seperti dataran, ambilkan dan dekati.

Contoh:

Kata dasar		Imbuhan akhiran		Kata berimbuhan akhiran
datar		-an		dataran
ambil	+	-kan	→	ambilkan
dekat		-i		dekati

Aktiviti

Menggunakan kata berimbuhan akhiran berdasarkan konteks.

Nota Guru 5.2.1 (iii)


- Bimbing murid mengenal pasti kata berimbuhan akhiran dalam teks.

KB – Mengecam
EMK: Nilai Murni – Semangat bermasyarakat
Kontekstual – Menghubung kait

Kata Majmuk









Pertandingan Mengarang

Kata dasar		Kata dasar		Kata majmuk
orang (manusia)	+	awam (umum)	→	orang awam (orang biasa)

Perpustakaan Awam Taman Aman mengadakan pertandingan menulis karangan bertemakan perpaduan. Penyertaannya secara berkumpulan dan berbilang kaum. Pertandingan ini juga terbuka kepada orang awam.

Hanif, Jeeva dan Wei Liang telah bersepakat untuk menyertainya. Mereka mencari maklumat di perpustakaan. Mereka membaca buku cerita untuk mendapatkan idea.

Selain itu, mereka juga membuat rujukan daripada surat khabar dan majalah. Mereka saling membantu dan bertukar idea. Mereka juga berbincang dengan ibu bapa bagi pemilihan tajuk karangan. Mereka bekerjasama dalam suasana yang harmoni.

Info Bahasa

Kata majmuk ialah dua kata dasar atau lebih yang dirangkaikan untuk membentuk satu kata baharu. Rangkai kata yang terhasil memberikan makna khusus, dieja terpisah dan bertindak sebagai satu unit.

Contoh:

Kata dasar		Kata dasar		Kata majmuk
merah (warna)	+	jambu (sejenis buah)	→	merah jambu (merah muda)

Aktiviti

Mengenal pasti dan membina ayat menggunakan kata majmuk berdasarkan bahan.

Pengukuhan

Warga Rimba

Semua warga rimba berkumpul di hadapan Sang Singa. Mereka tertanya-tanya akan sebab Sang Singa memanggil warga rimba.


: Selamat pagi, semua. Tok ingin memberitahu bahawa sahabat kita, Sang Gajah, tidak sihat. Kita mesti membantunya mencari makanan.


: Kasihan, Sang Gajah. Tok jangan risau. Kami warga rimba akan membantunya.


: Sang Gajah tidak makan daging. Kita mesti mencari tumbuhan dan buah-buahan untuknya.


: Gigi saya kuat, saya akan memotong tebu untuk Sang Gajah. (*sambil menunjukkan giginya*)


: Saya pula akan membantu Sang Tupai. Saya akan membawa tebu yang telah dipotong kepada Sang Gajah.


: Saya pula akan memetik buah-buahan.


: Saya akan membantu Sang Burung. Saya akan mengutip buah-buahan yang telah dipetik dan memberikannya kepada Sang Gajah.


: Terima kasih, semua. (*Sang Singa tersenyum*)

Semua warga rimba menjalankan tugas masing-masing. Mereka saling bekerjasama. Sang Singa sungguh bangga dengan semangat perpaduan yang ditunjukkan oleh warga rimba.

1. Berbincang dalam kumpulan dan bentangkan hasil perbincangan.
   (a) Watak dan kebolehan setiap haiwan dalam cerita.
   (b) Suasana tempat kejadian.
   (c) Nilai yang terdapat dalam cerita ini.
2. Lakonkan.




Penilaian

Masyarakat Prihatin

Kes kecurian telah berlaku di Taman Aman. Penduduk Taman Aman mengambil tindakan mengawal keselamatan penghuni. Kawalan keselamatan tersebut disertai oleh semua penduduk berbilang kaum. Kawalan ini menyatukan penduduk setempat.



- mengadakan taklimat "Skim Rondaan Sukarela"
- membahagikan tugas



- mengikut giliran
- membuat rondaan pada waktu malam



- mendapat bantuan polis
- bersama-sama membuat rondaan



- terima kasih kepada pihak polis
- tiada lagi kecurian


Murid menulis karangan berdasarkan gambar dan frasa.

3.3.1 (i)

Bacaan Luas

Panduan Keselamatan semasa Ribut Petir

Petir ialah kejadian alam semula jadi. Sambaran petir amat berbahaya dan boleh menyebabkan kematian. Yang berikut ialah panduan keselamatan di luar rumah yang boleh dipatuhi apabila berlakunya petir.



1. Jika sedang memandu, pastikan tingkap kereta ditutup.
2. Jangan berkumpul dalam satu kumpulan.
3. Keluar dari kawasan yang berair.
4. Usah sesekali berbaring di atas tanah.
5. Jangan memegang sebarang logam seperti basikal atau logam yang lain.
6. Ambil kedudukan selamat. Segera mencangkung dan jengketkan kaki, tundukkan kepala dan tutup kedua-dua belah telinga dengan tapak tangan.
7. Elakkan berlindung di bawah pokok yang terpencil atau objek yang tinggi.
8. Hentikan semua aktiviti luar dan cari tempat perlindungan sebaik-baik sahaja awan mendung.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada http://www.myhealth.gov.my/panduan-keselamatan-semasa-ribut-petir/)